



**PEGAWAI** Maqis Perlis memeriksa sebahagian ikan yang cuba diseludup ke negara ini tanpa permit sah di Pelantar Import Eksport, Kompleks LKIM Kuala Perlis kelmarin.

# Maqis gagalkan cubaan seludup 319 kg ikan tanpa permit sah

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

**KANGAR** – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Perlis merampas sebanyak 319 kilogram (kg) ikan yang cuba diseludup masuk ke negara ini tanpa permit sah.

Rampasan itu dibuat di Pelantar Import Eksport, Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Perlis di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Perlis, Mohamad Arshad Raffin berkata, rampasan dilakukan selepas pihaknya menahan sebuah bot bersama empat awak-awak yang menyeludup barang dagangan tersebut.

Hasil pemeriksaan, pihak berkuasa menemui beberapa



rampasan dilakukan selepas pihaknya menahan sebuah bot bersama empat awak-awak yang menyeludup barang dagangan tersebut.”

**MOHAMAD ARSHAD RAFFIN**

jenis ikan segar antaranya delah, sebelah dan merah yang tidak memiliki permit import.

Ikan-ikan tersebut diletakkan bercampur bersama ikan segar lain yang telah diisyitharkan.

“Perbuatan mengimport tanpa permit sah akan disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Ma-

laysia 2011.

“Kesalahan itu memperuntukan hukuman denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, Mohamad Arshad memberitahu, Maqis sentiasa memastikan setiap keluaran pertanian yang memasuki negara ini sama ada melalui laluan darat, laut mahupun udara mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan.

“Ia bertujuan bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian serta memastikan setiap tumbuhan, haiwan dan ikan yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar,” ujarnya.